

SUMBANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA TERHADAP PERKEMBANGAN ISLAM DI NEGERI MELAKA SELEPAS MERDEKA (1960-1970)

THE CONTRIBUTIONS OF MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA TO THE DEVELOPMENT OF ISLAM IN THE STATE OF MELAKA AFTER INDEPENDENCE (1960–1970)

Annuar Ramadhon Kasa^{1*}
Norhayati Hj Hamzah²
Mohd Roslan Mohd Nor³

¹ Pelajar Pascasiswazah: Jabatan Sejarah, Tamadun & Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia. (E-mail: 17162036@siswa.um.edu.my)

² Pensyarah Kanan: Jabatan Sejarah, Tamadun & Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia. (E-mail: yati611@um.edu.my)

³ Profesor: Jabatan Sejarah, Tamadun & Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia. (E-mail: m_roslan@um.edu.my)

*Corresponding author: 17162036@siswa.um.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025
Revised date : 20-6-2025
Accepted date : 25-7-2025
Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Kasa, A. R., Hamzah, N., & Nor, M. R. M. (2025). Sumbangan Majlis Agama Islam Melaka terhadap perkembangan Islam di negeri Melaka selepas merdeka (1960-1970). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 301 - 322.

Abstrak: *Melaka merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sejarah Islam sejak era Kesultanan Melayu Melaka lagi. Walau bagaimanapun, perkembangan Islam di negeri Melaka mulai perlahan apabila berada di bawah pentadbiran kolonial British. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perkembangan Islam di negeri Melaka telah memasuki satu episod baharu hasil penubuhan sebuah institusi yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal agama Islam di negeri tersebut. Penubuhan Majlis Agama Islam Melaka sebagai badan yang berautoriti mengelola pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri Melaka telah berjaya membawa beberapa perubahan yang signifikan dalam konteks sejarah Islam di negeri Melaka. Sehubungan dengan itu, artikel ini berfokus untuk menganalisis sumbangan Majlis Agama Islam Melaka terhadap perkembangan Islam di negeri Melaka dari tahun 1960 sehingga tahun 1970. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode kajian kepustakaan melibatkan sumber-sumber primer sejarah sebagai kaedah pengumpulan data. Data kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap sumber-sumber primer sebelum dipersembahkan mengikut klasifikasi sumbangan institusi tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa Majlis Agama Islam Melaka dalam lingkungan 10 tahun pertama penubuhannya telah menyumbang kepada penginstitutionan pengurusan zakat, peningkatan syiar Islam melalui aktiviti dakwah dan penguatkuasaan undang-undang Islam di negeri Melaka. Ia merupakan satu sumbangan yang signifikan*

terhadap perkembangan Islam memandangkan pengurusan dalam hal-hal tersebut tidak dapat dilaksanakan semasa era kolonial.

Kata Kunci: *Perkembangan Islam, MAIM, Melaka, Sejarah Malaysia, Zakat Melaka*

Abstract: *Melaka is a state rich in Islamic history, dating back to the era of the Melaka Malay Sultanate. However, the development of Islam in Melaka began to slow during the period of British colonial administration. After Malaysia gained independence in 1957, Islamic development in the state of Melaka entered a new phase with the establishment of an institution responsible for managing Islamic affairs. The establishment of Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) as the authoritative body overseeing the administration of Islamic matters in the state led to several significant changes in the historical landscape of Islam in Melaka. In this context, this article focuses on analysing the contributions of Majlis Agama Islam Melaka to the development of Islam in Melaka between 1960 and 1970. This qualitative research employed a library-based method, involving primary historical sources for data collection. The data were then analysed using content analysis methods on the primary sources and subsequently presented according to the classification of the institution's contributions. The findings show that within the first ten years of its establishment, Majlis Agama Islam Melaka contributed to the institutionalisation of zakat management, the promotion of Islamic teachings through da'wah activities, and the enforcement of Islamic law in the state. These contributions are regarded as significant in the development of Islam, especially considering that the administration of such matters was constrained during the colonial period.*

Keywords: *Development of Islam, History of Malaysia, MAIM, Melaka, Zakat in Melaka.*

Pengenalan

Melaka merupakan sebuah negeri yang terletak di kawasan selatan semenanjung Malaysia bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Johor. Negeri Melaka merupakan negeri ketiga terkecil di Malaysia dengan keluasan sekitar 1649-kilometer persegi. Selepas merdeka, penduduk di negeri Melaka adalah sekitar 291, 000 (Malaysia Official Year Book 1961, 1962). Majoriti penduduk terdiri daripada masyarakat Melayu (49.1 peratus) diikuti dengan Cina (41.5 peratus), India (8.4 peratus) dan lain-lain (1.0 peratus) (Chander, 1977).

Walaupun majoriti penduduk di negeri Melaka terdiri daripada masyarakat Melayu beragama Islam, sistem pentadbiran Islam di negeri tersebut memperlihatkan perkembangan yang berbeza berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (Meerangani, 2019). Perbezaan ini berpunca daripada status negeri Melaka semasa era kolonial sebagai sebuah negeri selat yang tidak mempunyai institusi beraja dan berada di bawah pentadbiran pihak British (Abdullah, 1988).

Secara asasnya, pihak British mengamalkan dasar berkecuali dalam hal ehwal agama Islam (Hassim et al., 2019). Pihak British memberi ruang bagi masyarakat Melayu untuk menguruskan hal berkaitan agama Islam dengan sendiri. Pihak British hanya menugaskan seorang pegawai berstatus pendaftar yang bertanggungjawab menyelia urusan pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri Melaka. Pegawai tersebut bertanggungjawab melantik seorang mufti dan 11 orang kadi untuk menguruskan perkara berkaitan pernikahan, perceraian, kematian dan mentadbir harta-harta wakaf di negeri Melaka (Abdullah, 1988).

Meskipun terdapat ruang bagi pentadbiran agama Islam di bawah pemerintahan British, peranan tersebut adalah terhad dan tidak memiliki autonomi sepenuhnya. Pentadbiran ini hanya berfungsi dalam kerangka tidak lebih sekadar daripada sebuah persatuan (Suffian Hashim, 1962). Ia sejajar dengan kedudukan mufti dan kadi-kadi yang didaftarkan di bawah ordinan pertubuhan (societies ordinance) sebagai Persekutuan Majlis Kadi-Kadi Melaka yang ditubuhkan pada 22 Disember 1936 di Kampung Hulu, Melaka (*Straits Settlement Government Gazette* 1940, 1935). Ini menunjukkan bahawa walaupun pihak British tidak mencampuri urusan agama Islam, tetapi pentadbiran yang dijalankan adalah terhad dari segi kuasa kerana tertakluk di bawah kawalan pihak British secara tidak langsung (2007/0004526).

Walau bagaimanapun, keadaan ini telah berubah setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957. Selepas merdeka, Islam telah diangkat sebagai agama rasmi negara seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan Islam sebagai agama rasmi diperkukuh dengan kedudukan Yang Dipertuan Agong sebagai ketua agama Islam negara. Manakala Raja-Raja Melayu merupakan ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja seperti Melaka, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Yang Dipertuan Agong sebagai ketua agama Islam.

Perubahan tersebut telah mempengaruhi perkembangan Islam dengan penubuhan sebuah institusi rasmi yang bertanggungjawab mentadbir dan menguruskan hal ehwal agama Islam di negeri Melaka (Kasa et al., 2024). Sehubungan dengan itu, artikel ini tertumpu untuk menganalisis sumbangan Majlis Agama Islam Melaka terhadap perkembangan Islam di negeri Melaka dari tahun 1960 sehingga tahun 1970. Tempoh ini merupakan tempoh yang penting bagi institusi ini kerana ia merupakan fasa awal kepada pentadbiran yang menjadi asas pelaksanaan dasar-dasar Islam di negeri Melaka.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian sejarah. Bagi kajian sejarah, ia dimulakan dengan proses pengumpulan data melibatkan metode kajian kepustakaan. Ia merangkumi pengumpulan sumber-sumber primer sejarah dari Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Arkib Negeri Melaka dan Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya. Sumber-sumber primer tersebut terdiri daripada akhbar seperti Berita Harian, majalah seperti al-Mustaqim terbitan Majlis Agama Islam Melaka, fail-fail Majlis Agama Islam Melaka dan laporan rasmi institusi tersebut. Data kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dengan meneliti secara terperinci sumber-sumber primer sebelum dipersembahkan mengikut klasifikasi sumbangan Majlis Agama Islam Melaka terhadap perkembangan Islam di negeri tersebut.

Penubuhan dan Perkembangan Majlis Agama Islam Melaka (1960-1970)

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk mentadbir hal ehwal agama Islam secara autonomi telah membawa kepada usaha kerajaan negeri Melaka untuk menubuhkan sebuah institusi pentadbiran agama Islam di negeri tersebut (Mukmin, 1999). Langkah awal digerakkan oleh Ketua Menteri Melaka kedua iaitu Abdul Ghafar Baba (1925-2006). Beliau bertanggungjawab mengemukakan cadangan penubuhan sebuah institusi bagi mentadbir hal ehwal agama Islam dalam mesyuarat Majlis Undangan Negeri Melaka pada 28 Februari 1959. Majoriti ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka bersetuju dengan cadangan penubuhan institusi tersebut memandangkan institusi seperti itu telah lama wujud di negeri-negeri lain (*Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melaka*, 1963).

Kerajaan negeri Melaka kemudiannya memberikan sebuah pejabat bagi kegunaan institusi pentadbiran hal ehwal agama Islam. Institusi ini dinamakan sebagai Pejabat Agama Islam Melaka (seterusnya PAIM) dan mula beroperasi pada 1 September 1959 (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1961, 1962*). Walau bagaimanapun, perkhidmatan PAIM tergendala kerana tidak mempunyai kuasa dari segi perundangan bagi menguatkuasakan undang-undang Islam di negeri Melaka. Sehubungan dengan itu, sebuah lagi institusi telah ditubuhkan iaitu Majlis Agama Islam Melaka (seterusnya MAIM).

MAIM merupakan badan berautoriti dalam menggubal dasar-dasar pentadbiran agama Islam dan badan induk kepada semua institusi Islam yang berada di negeri Melaka. Bagi menjalankan dasar-dasar MAIM, PAIM yang terlebih dahulu ditubuhkan bertanggungjawab untuk mentadbir urusan yang berkaitan agama Islam dan menguatkuasakan undang-undang Islam di negeri Melaka (2007/0004526). Ini bermakna MAIM merupakan institusi Islam tertinggi di negeri Melaka dengan kedudukan PAIM yang berada secara langsung di bawah bidang kuasanya.

Penubuhan kedua-dua institusi ini telah dirasmikan pada 28 September 1960 oleh Tuan Yang Terutama Gabenor Negeri Melaka kedua iaitu Dato Hj. Abdul Malik bin Yusuf (1899-1977) sebagai wakil kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ketiga iaitu Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail (1920-2000) (M.U.I.M 22/59). Perasmian tersebut dilakukan di bangunan bernombor 277, Jalan Tengker, Melaka sebagai bangunan pentadbiran MAIM dan PAIM (M.U.I.M 22/59).

Dalam majlis perasmian tersebut, Yang Dipertua Pejabat Agama Islam Melaka iaitu Muhammad Amin bin Amran (menjawab dari 1960-1963) menegaskan detik tersebut sebagai detik bersejarah kerana menjadi simbolik mengembalikan kedaulatan agama Islam di negeri Melaka setelah lama dijajah oleh bangsa asing (M.U.I.M. 3/59). Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau juga menjelaskan masa depan MAIM sebagaimana berikut:

“Maka pada hari ini terciptalah dan tertubuhlah Pejabat Agama Islam di negeri Melaka ini dan Majlis Agama Islam Melaka yang dirasmikan istiadat pembukaannya ialah mengembalikan kedaulatan agama Islam itu kepada hak kerajaan Melayu yang dahulu itu setelah 500 tahun lebih kurang negeri Melaka tidak mempunyai pejabat agama dan majlis agama Islam... dengan tertubuhnya Pejabat Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka ini, akan dapat diwujudkan kehendak undang-undang pentadbiran hukum Syarak, mengadakan keadilan mahkamah Syariah, mengawal pelajaran agama, mengawal perkara nikah dan cerai, zakat, fitrah, wakaf, masjid dan lain-lainnya” (2007/0004526).

Selepas ditubuhkan secara rasmi, MAIM telah berganding bahu bersama-sama PAIM bagi mengurus serta mentadbir hal ehwal agama Islam di negeri Melaka. Sebagai badan yang telah mempunyai kuasa untuk menjalankan dasar-dasar yang ditetapkan MAIM dan menguatkuasakan undang-undang Islam, PAIM telah menjalankan fungsinya dalam sembilan perkara. Pertama, mengawal urusan pernikahan dan perceraian. Kedua, menjaga harta benda wakaf dan baitul mal (perbendaharaan harta umat Islam). Ketiga, memungut zakat dan fitrah kemudian membahagikannya kepada golongan yang berhak (asnaf). Keempat, mentadbir dan mendidik golongan yang baharu memeluk Islam (mualaf). Kelima, mengurus pungutan derma dan khairat dengan tujuan menegakkan Islam. Keenam, menguruskan pendidikan agama di sekolah. Ketujuh, mencegah dan membasmi ajaran-ajaran sesat di samping mengawal gejala-gejala sosial dalam masyarakat seperti pelacuran serta perjudian. Kelapan, menetapkan

sempadan kariah masjid seluruh negeri. Kesembilan, mewujudkan mahkamah syariah (M.U.I.M. 3/59).

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh besarnya tanggungjawab yang digalas oleh PAIM, maka MAIM telah menubuhkan beberapa buah pejabat cawangan bagi membantu dalam pentadbiran mengikut bidang-bidang kuasa seperti berikut: (*Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melaka*, 1963).

- i. Pejabat Mufti: Ia berfungsi sebagai institusi yang dipimpin oleh mufti bagi mengeluarkan fatwa, membuat peraturan serta menyusun undang-undang Islam, menyediakan teks syarahan dan khutbah jumaat, memberikan pendidikan persediaan bagi para pegawai masjid (imam, khatib dan bilal), menyemak kemudian memberi kelulusan kitab-kitab agama di samping menyediakan takwim qamari (kalendar berpandukan bulan) Islam. Bagi membantu kerja-kerja tersebut, ia dikelolai oleh Jawatankuasa Syariah yang dilantik oleh MAIM. Jawatankuasa ini turut berfungsi sebagai badan penasihat kepada pentadbiran PAIM dari segi hukum dan undang-undang Islam (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1961*, 1962).
- ii. Pejabat Kadi Daerah: Terdapat tiga pejabat kadi iaitu di daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah. Pejabat kadi daerah berperanan sebagai institusi untuk masyarakat mendaftarkan perkahwinan, urusan penceraian dan ruju'. Selain itu, Pejabat kadi daerah juga berperanan menolong dalam urusan pungutan zakat, fitrah dan baitulmal. Setiap kadi yang dilantik berperanan sebagai hakim mahkamah Syariah bagi daerahnya dalam menjalankan perbicaraan perkara-perkara berkaitan dengan perselisihan suami-isteri, tuntutan nafkah, mas kahwin dan pembahagian harta pusaka di samping kes-kes jenayah seperti tidak solat Jumaat dan tidak berpuasa di bulan ramadan. Pejabat kadi daerah dan mahkamah Syariah mulai beroperasi pada Januari 1962. Ia beroperasi agak lewat kerana terpaksa menunggu penentuan sempadan kariah masjid-masjid di seluruh negeri Melaka diikuti dengan kelewatan proses pentauliahkan kadi dan naib kadi (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1961*, 1962).
- iii. Pejabat Zakat, Fitrah dan Baitul Mal: Ia berfungsi sebagai pusat untuk memungut zakat, fitrah dan mentadbir harta baitul mal. Pada bulan ramadan 1380 Hijrah bersamaan Februari 1961, pungutan zakat di negeri Melaka buat pertama kali telah dilaksanakan. Pada tahun tersebut, hanya pungutan zakat fitrah dan zakat padi telah dilaksanakan. Ia kemudian telah dilebarkan kepada pungutan zakat harta dan perniagaan yang mula dijalankan pada tahun 1964 (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1964*, 1965). Hasil pungutan zakat kemudian diberikan kepada golongan asnaf (orang yang layak menerima zakat) dan bakinya diserahkan untuk pentadbiran baitul mal.
- iv. Pejabat Sekolah-Sekolah Agama: Pejabat ini mempunyai dua tugas utama. Pertama, sejak penggal ketiga tahun 1961, semua sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan di negeri Melaka telah menyediakan pendidikan agama kepada semua murid-murid beragama Islam. Penyediaan pendidikan agama di kedua-dua jenis sekolah ini tidak pernah dilakukan sebelumnya sedangkan bilangan murid-murid bagi kedua-dua jenis sekolah pada tahun tersebut seluruh negeri Melaka adalah besar iaitu berjumlah 28, 695 orang. Oleh sebab itu, pejabat ini bertanggungjawab untuk menugaskan bilangan guru dan silibus bagi murid-murid di kedua-dua jenis sekolah. Kedua, pejabat ini juga berperanan mengelola sekolah-sekolah agama rakyat. Pengelolaan tersebut lebih

tertumpu dari segi kewangan dengan meminta dan mengagihkan peruntukan sama ada daripada MAIM mahupun daripada kerajaan negeri Melaka atau Kementerian Pelajaran Malaysia (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1962, 1963*).

- v. Lembaga Masjid dan Surau: Secara asasnya, semua masjid dan surau yang terdapat di negeri Melaka ialah hasil wakaf umat Islam. Bagi mentadbirnya, lembaga ini telah ditubuhkan pada tahun 1964 dengan fungsi mengelola secara mikro pengurusan masjid dan surau (“Majlis Agama Melaka akan Laksanakan Undang-Undang Agama,” 22 April 1964). Ini kerana, jumlah masjid dan surau di negeri Melaka pada tahun 1961 adalah dalam jumlah yang besar melibatkan 146 kariah (56 di Melaka Tengah, 56 di Alor Gajah dan 34 di Jasin), 148 masjid (58 di Melaka Tengah, 56 di Alor Gajah dan 34 di Jasin) diikuti dengan 341 surau (113 di Melaka Tengah, 158 di Alor Gajah dan 70 di Jasin) (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1962, 1963*).

Kesemua pejabat baharu tersebut berada di bawah pengelolaan PAIM. PAIM diketuai oleh seorang Yang Dipertua yang dilantik khusus untuk memastikan kelancaran urusan pentadbiran dan pelaksanaan tugas-tugas seperti di atas. Dalam masa yang sama, Yang Dipertua PAIM turut memegang jawatan sebagai Pengerusi MAIM bagi memudahkan urusan penetapan dasar-dasar yang selari dengan keperluan PAIM (M.U.I.M. 3/59). Oleh sebab itu, pada zaman ini (1960-1970), MAIM dan PAIM sering digunakan sebagai istilah yang tumpang tindih di mana ia merujuk kepada satu entiti yang sama. Walau bagaimanapun, penggunaan MAIM adalah lebih tepat kerana ia merupakan badan induk tertinggi termasuklah mengawal PAIM dan kesemua pejabat-pejabat cawangan seperti di atas.

Penubuhan beberapa pejabat cawangan baharu oleh MAIM sebagaimana dinyatakan di atas mencerminkan satu perkembangan yang positif. Ini kerana, institusi pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri Melaka telah mempunyai kuasa dari segi undang-undang dengan skop dan tanggungjawab yang jelas berbanding era sebelum merdeka yang terhad dari segi bidang tugasnya iaitu menguruskan pernikahan, penceraian dan kematian sahaja. Hasil penubuhan MAIM, berlaku perubahan dari sudut bidang tugas dalam pentadbiran meliputi tugas baharu seperti mengutip dan mengagihkan zakat, menjalankan aktiviti dakwah serta menguatkuasakan undang-undang bagi umat Islam di negeri Melaka.

Sumbangan MAIM Terhadap Perkembangan Islam di Negeri Melaka

Sejak penubuhan MAIM pada tahun 1960 sehingga tahun 1970, institusi ini telah menyumbang kepada perkembangan Islam di negeri Melaka. Ia dapat dilihat dalam beberapa aspek sebagaimana berikut.

Menginstitusikan Pengurusan Zakat

Zakat merupakan sebahagian daripada lima rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam yang berkemampuan. Menurut Abd Majid (2003), zakat bermaksud mengeluarkan satu jumlah atau kadar tertentu dari harta yang dimiliki bagi faedah kepada golongan yang berhak menerimanya. Ia merupakan satu kaedah pengurusan kewangan Islam dengan matlamat membantu golongan kurang bernasib baik untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan belenggu kesempitan hidup (Sani et al., 2021).

Sebelum kewujudan MAIM, urusan pungutan zakat secara berpusat tidak pernah dilaksanakan di negeri Melaka. Semasa era kolonial, Persekutuan Majlis Kadi-Kadi Melaka yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal agama Islam di negeri tersebut tidak mempunyai kuasa

undang-undang untuk menjalankan urusan pungutan dan pengagihan zakat. Rata-rata masyarakat Melayu-Islam di negeri Melaka ketika itu mengeluarkan zakat secara persendirian. Ia diberikan secara terus kepada golongan miskin. Sebahagiannya pula memberikan kepada guru agama, imam atau bilal masjid yang berperanan sebagai pemegang amanah untuk mengutip dan mengagihkan zakat kepada golongan yang layak (“Zakat dan Fitrah,” 1961). Dalam masa sama, terdapat juga segelintir individu yang mengabaikan urusan zakat meskipun ia merupakan salah satu daripada rukun Islam (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1961, 1962*).

Keadaan ini mula berubah sejak Oktober 1960 di mana MAIM berhasrat untuk memastikan urusan zakat dilaksanakan secara sistematik melalui saluran yang diiktiraf oleh undang-undang. Langkah pertama yang dilaksanakan ialah memohon perkenan Yang Dipertuan Agong ketiga bagi melaksanakan kutipan dan agihan zakat. Yang Dipertuan Agong telah memberi perkenan terhadap cadangan ini. Baginda kemudiannya bertitah agar MAIM mengambil contoh daripada negeri-negeri lain yang berjaya melaksanakan kutipan dan agihan zakat seperti negeri Selangor (P.U.N. (M) 97/60).

Berikutan perkenan daripada baginda, MAIM kemudiannya menggubal satu rang undang-undang pada November 1959 yang disebut sebagai Peraturan Menjalankan Kerja-kerja Zakat dan Fitrah Melaka 1960. Walaupun rang undang-undang ini telah terbentuk, ia tidak dapat dilaksanakan berikutan kelewatan penubuhan MAIM (P.U.N. (M) 97/60). Oleh sebab itu, MAIM hanya dapat mengumumkan pelaksanaan kutipan zakat fitrah secara berpusat pada tahun berikutnya iaitu Februari 1961 bersamaan dengan bulan Syaaban-Ramadan tahun 1379 Hijrah. Urusan kutipan dan agihan zakat diletakkan di bawah kuasa Pejabat Zakat, Fitrah dan Baitul Mal dengan bantuan daripada Pejabat Kadi Daerah Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah (*Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melaka, 1963*).

Zakat fitrah merupakan zakat yang wajib dikeluarkan oleh setiap individu beragama Islam yang cukup makanan asasinya sehari semalam. Tempoh pembayaran zakat fitrah adalah sepanjang bulan Ramadan sehingga sebelum solat aidilfitri pada 1 Syawal (Harun et al., 2019). Kadar zakat fitrah yang ditetapkan MAIM adalah RM 1.00 bersamaan dengan harga segantang beras yang merupakan makanan asasi umat Islam di negeri Melaka (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1964, 1965*).

Kutipan ini dikendalikan oleh golongan amil iaitu individu yang dilantik oleh MAIM untuk memungut zakat fitrah di kawasan yang ditentukan oleh Pejabat Kadi Daerah. Hasil kutipan kemudiannya dikelola Pejabat Zakat, Fitrah dan Baitul Mal sebelum sebahagiannya diserahkan kepada amil untuk diagihkan kepada golongan asnaf (orang yang layak menerima zakat) di kawasan masing-masing (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1961, 1962*).

Pada peringkat awal, pengumuman pelaksanaan zakat fitrah secara berpusat telah menerima reaksi positif. Persatuan Islam SeMalaya (PAS) cawangan Ramuan Cina Besar, Alor Gajah misalnya menyokong serta menyeru umat Islam untuk membantu MAIM dalam menjayakan kutipan dan agihan zakat fitrah yang julung kali dikuatkuasakan di negeri Melaka dengan menyatakan:

“Pada tahun ini segala zakat dan fitrah dalam negeri Melaka akan diserahkan kepada Pejabat Agama Islam negeri ini dan tidak dibenarkan siapa-siapa yang tidak mendapat kebenaran dari yang berkuasa untuk memungut zakat fitrah itu.

Kami menyeru kepada tiap-tiap kaum Islam dalam negeri ini supaya dapat bekerjasama dengan Pejabat Agama Islam yang akan menjalankan tugas hak sebagai benar-benar menjalankan hukum Allah” (“Tahniah PAS kepada Majlis Agama,” 1961).

Walau bagaimanapun, seorang penulis ruangan Berita Harian bernama Maroth telah mengkritik tindakan MAIM yang dikatakan mengumumkan kutipan zakat fitrah pada tahun 1961 secara mengejut.

Maroth (1961) menegaskan bahawa sistem kutipan tradisional yang wujud tidak boleh dihapuskan secara serta-merta. Sejak dahulu, guru agama, imam dan bilal masjid telah berperanan sebagai amil dengan mengutip dan mengagihkan hasil zakat fitrah secara sukarela. Sesetengah daripada mereka turut menerima suguhati sebanyak RM 100 sehingga RM 200 atas kutipan dan agihan yang dijalankan secara sukarela. Apabila sistem lama ingin dihapuskan secara serta-merta, ia memberi tekanan terhadap golongan tersebut. Kesannya, terdapat segelintir daripada mereka yang mengugut untuk meletak jawatan dan terdapat juga yang mengabaikan tanggungjawab mereka. Maroth (1961) menggambarkannya sebagaimana berikut:

“Saya katakan demikian ialah kerana beberapa orang di antara pegawai-pegawai masjid telah pun membayangkan kepada saya tentang ura-ura mereka hendak meletakkan jawatan masing-masing. Bahkan yang paling mendukacitakan ialah sikap sesetengah daripada pegawai tersebut yang telah memulakan gerakan malas bekerja di kawasan masjid masing-masing...”

Menurut hemat saya, kejadian buruk ini tetaplah berpunca daripada keputusan Majlis Agama Islam yang hendak memungut zakat fitrah itu. Saya tidaklah mengetahui dengan jelasnya sama ada Majlis Agama itu sebelum daripada menjalankan tindakannya yang berani ini telah mengadakan perundingan terlebih dahulu dengan pegawai-pegawai masjid. Namun demikian, peri adanya rasa gelisah dan sikap benar tak benar sesetengah daripada pegawai masjid itu, maka jelaslah dapat diduga bahawa perundingan telah tidak diadakan terlebih dahulu...”
(Maroth, 1961).

Oleh sebab itu, Maroth menentang sistem kutipan zakat fitrah yang diperkenalkan oleh MAIM. Maroth juga menjelaskan bahawa meskipun MAIM memberi 1/6 daripada kutipan zakat fitrah sebagai pendapatan atau upah sebagai amil. Tetapi MAIM tidak menjanjikan sebarang suguhati kepada golongan amil sedangkan urusan tersebut adalah membebankan kerana menjejaskan urusan harian mereka (Maroth, 1961).

Meskipun pandangan Maroth seperti di atas bertujuan untuk membela nasib golongan amil, tetapi tindakan MAIM adalah bagi memastikan masyarakat Islam di negeri tersebut dapat menunaikan ibadah zakat dengan cara yang diiktiraf di sisi undang-undang. Pada dasarnya, agihan zakat secara persendirian sebagaimana dilakukan umat Islam di negeri Melaka sebelum merdeka adalah sah di sisi syarak. Tetapi, perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang yang ditetapkan pemerintah adalah dilarang dalam Islam. Dengan kewujudan MAIM sebagai badan berautoriti yang mempunyai legitimasi undang-undang, maka peraturan yang telah ditetapkan oleh MAIM bagi pihak pemerintah perlu dipatuhi oleh masyarakat di negeri Melaka

(Nordin & Ibrahim, 2019). Justeru, pembayaran zakat kepada MAIM bagi pihak pemerintah adalah lebih baik (afdal) berdasarkan mazhab Syafii (Abdullah et al., 2013).

Selain itu, tindakan ini juga bertujuan untuk membanteras kefahaman yang kurang tepat dalam kalangan agamawan terhadap konsep zakat fitrah. Segelintir golongan agama di negeri Melaka menganggap zakat fitrah adalah ganjaran atas khidmat sukarela yang dijalankan. Contohnya, seorang bilal masjid di negeri Melaka menjelaskan secara terbuka bahawa zakat fitrah dianggap sebagai pemberian tahunan atas sumbangan mereka terhadap agama secara sukarela sebagaimana berikut:

“Kami bekerja selama ini tidak menerima apa-apa pembayaran daripada sesiapa pun yang berupa bayaran gaji bulanan. Kami hanya menerima pemberian zakat dan fitrah daripada penduduk di kampung kawasan kami yang kami anggap sebagai pemberian tahunan kepada kami” (“Zakat dan Fitrah,” 1961).

Manakala seorang guru al-Quran di negeri Melaka pula mengugut untuk berhenti daripada mengajar al-Quran secara sukarela kerana urusan zakat fitrah yang akan diambil alih oleh PAIM. Guru tersebut menjelaskan bahawa:

“Kami mendapat pemberian fitrah daripada penjaga kanak-kanak yang kami ajar itu pada tiap-tiap tahun dan pemberian tersebut kami anggap sebagai rasa terima kasih kepada kami sebagai membalas usaha sukarela kami itu

(“Guru Qur’an,” 1961).

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa wujudnya kepincangan dalam penentuan golongan yang layak menerima zakat fitrah. Ini kerana zakat hanya diberikan kepada 8 golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muaf (orang yang baru memeluk Islam), *al-riqab* (golongan yang terbelenggu dengan perhambaan), *al-gharimin* (orang yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas hidup), *fi sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan *ibnu sabil* (musafir yang terputus bekalan perbelanjaan).

Golongan agamawan sama ada terdiri daripada guru agama mahupun pegawai masjid tidak tersenarai sebagai sebahagian daripada golongan asnaf. Jika golongan agamawan menerima zakat fitrah atas kapasiti amil, maka mereka hanya layak menerima 1/6 daripada hasil kutipan dan bukan kesemuanya sebagaimana digambarkan dalam kedua-dua petikan di atas (*Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melaka*, 1963). Oleh sebab itu, pengkaji berpandangan bahawa tindakan serta-merta MAIM adalah tepat bagi memastikan urusan kutipan dan agihan zakat fitrah dilaksanakan secara telus.

Kesungguhan MAIM memastikan pengurusan zakat fitrah adalah telus dapat dilihat melalui kerja-kerja merekod kutipan serta agihan zakat fitrah dalam bentuk laporan rasmi. Laporan ini telah diaudit bagi memastikan kredibiliti institusi tersebut dalam mengelola harta umat Islam dan boleh diakses oleh masyarakat umum (*Pejabat Agama Islam Melaka 1961*, 1962). MAIM pada tahun 1969 misalnya telah merekodkan secara jelas jumlah agihan kepada golongan asnaf. Antaranya ialah sebanyak RM 42, 188.76 telah dibahagikan kepada 5, 734 asnaf fakir dan RM 42, 384.26 telah dibahagikan kepada asnaf miskin (*Penyata Majlis Agama Islam Melaka 1969*, 1970).

Selain itu, pandangan Maroth bahawa tindakan MAIM melaksanakan kutipan zakat secara tergesa-gesa adalah kurang tepat. Pada dasarnya, memang terdapat tanda-tanda tindakan

desakan daripada pihak MAIM sebagaimana direkodkan di dalam sepucuk surat daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu, Persekutuan Tanah Melayu kepada MAIM bertarikh 27 Oktober 1960 yang menjelaskan:

“...maka nampaklah Tuan Yang Dipertua Majlis itu berkehendakkan peraturan-peraturan ini berjalan kuat-kuasanya dengan seberapa cepatnya untuk diambil langkah memungut zakat fitrah pada hari raya yang akan datang ini. Sebenarnya rang ini telah digubal pada bulan November tahun 1959 dengan harapan majlis agama dapat ditubuhkan pada bulan Januari 1960...untuk mencapai maksud hendak menjalankan zakat fitrah ini dengan beberapa segeranya, maka saya sembahkan cadangan iaitu sekiranya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda mempersetujui peraturan-peraturan yang tersebut, maka eloklah peraturan-peraturan ini berjalan kuat-kuasanya mulai pada 1 November tahun 1960”

(P.U.N. (M) 97/60).

Namun, desakan tersebut adalah disebabkan oleh peraturan dan prosedur kutipan zakat sebenarnya telah digubal lebih awal sebagaimana dinyatakan dalam petikan di atas. Oleh yang demikian, pelaksanaan kutipan zakat fitrah oleh MAIM tidak seharusnya dianggap sebagai tindakan tergesa-gesa, sebaliknya perlu dilihat sebagai satu usaha yang telah dirancang dengan rapi. Ini kerana, proses tersebut berlaku dalam kerangka pentadbiran yang teratur dengan rang undang-undang yang telah digubal tetapi tertangguh daripada jadual asal disebabkan kelewatan penubuhan badan pelaksana yang sah.

Pada dasarnya, MAIM juga telah menyusun secara rapi pelaksanaan kutipan zakat buat kali pertama pada tahun 1961. Pada 13 Februari 1961 iaitu sekitar 3 hari sebelum hari pertama bulan Ramadan, MAIM telah selesai melantik amil-amil yang terdiri daripada para pegawai masjid seperti imam, bilal dan khatib di ketiga-tiga daerah di negeri Melaka (“Melaka dah Siap Amil,” 1961). Untuk mengatasi kekurangan amil di daerah Alor Gajah pula, MAIM telah melantik 100 orang amil baharu bagi memudahkan urusan kutipan dan agihan zakat fitrah (“Kira-Kira 100 Amil,” 1961). Kesemua amil yang dilantik telah diberikan kursus bermula dari kaedah pemungutan zakat sehingga kaedah mengenalpasti golongan yang layak menerima zakat (“Amil Diberi Penerangan,” 1961). Justeru, tanggapan bahawa MAIM bertindak secara tergesa-gesa dalam melaksanakan kutipan zakat fitrah adalah tidak berasas, memandangkan segala langkah yang diambil menunjukkan wujudnya perancangan yang teliti.

Hasil perancangan ini menyebabkan MAIM telah berjaya melaksanakan kutipan zakat fitrah buat kali pertamanya dalam sejarah negeri Melaka. Sambutan terhadap kutipan zakat fitrah pada tahun 1961 adalah memberangsangkan dengan jumlah kutipan sebanyak RM 105, 966.71 di mana hampir 74.26 peratus (107, 465 orang) daripada keseluruhan masyarakat Melayu-Islam di negeri tersebut (144, 709 orang) membayar zakat fitrah melalui amil yang dilantik oleh MAIM. Namun, masih ramai penduduk Melayu-Islam yang berkemampuan tetapi enggan mengeluarkan zakat fitrah. Jumlah tersebut adalah sebanyak 31, 639 orang iaitu sekitar 21.86 peratus. Manakala bakinya iaitu sekitar 5, 609 orang tidak mengeluarkan zakat fitrah kerana diklasifikasikan sebagai fakir dan miskin iaitu sekitar 3.88 peratus (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1961, 1962*).

Keengganan segelintir individu Muslim yang berkemampuan untuk mengeluarkan zakat fitrah adalah disebabkan wujudnya salah faham terhadap hasil kutipan tersebut. Segelintir masyarakat termasuklah imam, bilal dan guru-guru agama di negeri Melaka merasa bimbang sekiranya

kutipan tersebut menjadi hasil bagi MAIM atau menjadi hasil bagi kerajaan negeri Melaka (“Zakat Tidak Menjadi Hasil Pejabat,” 1961).

Situasi bertambah buruk pada tahun 1962 di mana jumlah individu yang mengeluarkan zakat fitrah semakin menurun. Pada tahun 1962, kutipan zakat adalah sebanyak RM 95, 620.66 dengan hanya 96, 639 orang daripada keseluruhan 144, 727 orang iaitu sekitar 66.77 peratus yang membayar zakat fitrah melalui amil yang dilantik oleh MAIM. Jumlah individu yang berkemampuan tetapi enggan mengeluarkan zakat fitrah pula adalah 41, 063 orang iaitu 28.37 peratus dengan peningkatan sebanyak 6.51 peratus berbanding tahun 1961 (21.86 peratus) (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1962, 1963*). Peningkatan jumlah individu yang enggan menunaikan kewajipan ini berpunca daripada ketiadaan peruntukan undang-undang yang khusus bagi menguatkuasakan kewajipan membayar zakat fitrah dalam kalangan umat Islam di negeri Melaka (“Seruan Ketua Agama,” 1963).

Bagi menyelesaikan isu ini, MAIM telah mengambil dua langkah utama. Pertama, MAIM melakukan hebahan tentang hasil kutipan zakat fitrah yang disalurkan kepada golongan asnaf. Dalam usaha memperkukuh keyakinan masyarakat awam, Yang Dipertua PAIM iaitu Haji Amin Amran sendiri menegaskan bahawa kutipan zakat fitrah tidak digunakan untuk tujuan selain daripada kepentingan umat Islam di negeri tersebut (“Zakat Tidak Menjadi Hasil Pejabat,” 1961). Pada hari pertama kutipan zakat fitrah dilaksanakan iaitu pada 1 Februari 1961 (1 Ramadan 1380 Hijrah), beliau juga menjelaskan matlamat hasil kutipan zakat fitrah adalah meningkatkan syiar Islam di negeri Melaka (“Zakat: Umat Islam,” 1961).

Walau bagaimanapun, hebahan dan penerangan yang diberikan adalah tidak mencukupi. Yang Dipertua PAIM iaitu Haji Amin Amran menegaskan bahawa:

“Angka-angka ini menunjukkan betapa rumitnya pungutan zakat ini berjalan sehingga kutipan zakat fitrah di dalam tahun 1962 ini telah merosot jauh...Penerangan dan arahan telah diberi tentang kewajipan menunaikan zakat. Akan tetapi, banyak yang masih mengelak daripada menunaikan zakatnya...”
(*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1962, 1963*).

Rentetan itu, MAIM telah melaksanakan langkah yang kedua. Langkah tersebut ialah mengambil tindakan tegas dengan mewajibkan penduduk Islam di seluruh negeri Melaka dari segi perundangan untuk membayar zakat fitrah. Ia dilakukan dengan memohon kepada kerajaan negeri Melaka untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap golongan yang enggan menunaikan kewajipan tersebut. Permohonan ini berjaya dikuatkuasakan melalui peruntukan di dalam Warta Kerajaan Negeri Melaka, bilangan 75 bertarikh 26 April 1962. Hasil peruntukan ini menyebabkan sesiapa yang mampu tetapi enggan membayar zakat fitrah boleh didakwa di Mahkamah Syariah. Sesiapa yang didapati bersalah boleh didenda sebanyak RM 25.00 atau dipenjara (“Seruan Ketua Agama,” 1963).

Hasil daripada kedua-dua tindakan yang diambil, kutipan zakat fitrah kembali meningkat pada tahun 1963. Kutipan pada tahun tersebut adalah RM 125, 609.58 dengan 84.57 peratus individu yang mengeluarkan zakat iaitu 125, 790 orang daripada 148, 742 orang. Manakala individu yang enggan mengeluarkan zakat menurun kepada 10.12 peratus dengan hanya 15, 057 orang sahaja berbanding 41, 063 orang pada tahun 1962. Jumlah ini semakin berkurang pada tahun 1964 kepada hanya 9.29 peratus iaitu 13, 915 orang. Kutipan zakat pada tahun 1964 juga adalah memuaskan dengan jumlah RM 129, 157.00 dengan 86.27 peratus individu yang mengeluarkan

zakat iaitu 129, 157 orang daripada 149, 712 orang (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1964, 1965*). Manakala kutipan zakat pada tahun 1965 adalah yang paling memberangsangkan sejak tahun 1961 iaitu berjumlah RM 137, 988.92 dengan 89.73 peratus yang mengeluarkan zakat iaitu 139, 082 orang dan hanya 5.85 peratus iaitu 9, 053 orang yang enggan mengeluarkan zakat daripada keseluruhan 154, 997 orang (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1965, 1966*). Pada tahun 1966, MAIM memberi amaran secara terbuka bahawa tindakan undang-undang melalui Mahkamah Syariah akan diambil terhadap golongan yang enggan membayar zakat fitrah dan golongan yang membayar zakat fitrah secara persendirian tanpa melalui amil-amil yang dilantik (“Tindakan Terhadap Fitrah,” 1966). Tindakan tegas ini memperlihatkan kesungguhan MAIM dalam menegakkan syariat Islam dan mendidik masyarakat agar mematuhi tanggungjawab agama mengikut saluran yang ditetapkan oleh undang-undang Islam di negeri Melaka.

Amaran yang dikeluarkan MAIM bertujuan untuk mengelakkan berlakunya penyaluran hasil zakat kepada golongan yang tidak dapat ditentukan statusnya sebagai asnaf secara sah. Contohnya, para penduduk Kampung Gelam, Melaka Tengah pada tahun 1962 mendakwa bahawa mereka telah membayar zakat fitrah secara terus kepada golongan asnaf dan tidak melalui wakil-wakil yang dilantik MAIM (“Fitrah: Mereka yang Belum,” 1962). Keadaan ini telah menimbulkan kesulitan dari segi rekod kutipan dan pengagihan yang telus kerana pihak MAIM tidak dapat memastikan jumlah sebenar zakat yang dikutip serta status golongan yang menerimanya. Ini kerana, hasil zakat fitrah tidak boleh diberikan sewenang-wenangnya kepada mana-mana individu sebaliknya perlu disahkan sebagai asnaf oleh pihak MAIM dan jawatankuasa kampung masing-masing bagi memastikan agihan zakat fitrah benar-benar sampai kepada golongan yang selayaknya (“Zakat: Perintah Ketua Menteri,” 1964).

Kedua-dua langkah yang diambil oleh MAIM telah memberikan impak positif terhadap kesedaran masyarakat di negeri Melaka tentang kewajipan mengeluarkan zakat fitrah melalui saluran yang diiktiraf undang-undang. Ia ditegaskan oleh Yang Dipertua PAIM kedua iaitu Sheikh Said bin Sheikh Mohammad yang menyatakan bahawa:

“Orang-orang kampung hari ini makin sedar mengapa mereka mesti menunaikan zakat fitrah menerusi amil-amil majlis ini...kaum muslimin dan muslimat negeri ini telah mengetahui sebenarnya tujuan dan kepentingan membayar fitrah melalui Majlis...”

(“Pungutan Fitrah,” 1966).

Impak positif ini juga dapat dilihat melalui kutipan zakat fitrah yang meningkat bagi tahun 1966 dan 1967. Jumlah kutipan zakat fitrah pada tahun 1966 adalah RM 143, 031.65 dan kutipan pada tahun 1967 adalah RM 13, 999.25. Peratus pembayar zakat meningkat dari 89.73 peratus pada tahun 1965 kepada 92.43 peratus pada tahun 1966 dan 90.77 peratus pada tahun 1967. Seramai 145, 585 individu pada tahun 1966 dan 144, 701 individu pada tahun 1967 yang menunaikan tanggungjawab daripada keseluruhan 157, 504 orang (1966) dan 159, 415 (1967) orang yang berkemampuan mengeluarkan zakat fitrah. Jumlah individu yang berkemampuan tetapi enggan mengeluarkan zakat pula menurun daripada 5.85 peratus pada tahun 1965 kepada 4.13 peratus (6, 502 individu) pada tahun 1966 dan 4.73 peratus (7, 543 individu) pada tahun 1967 (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1966, 1967; Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1967, 1968*).

Amaran yang dikeluarkan oleh MAIM bukan sekadar retorik, sebaliknya disusuli dengan tindakan tegas berlandaskan undang-undang. Pada tahun 1970 misalnya, seramai 7,638 individu telah disiasat dan didakwa kerana enggan menunaikan zakat fitrah bagi tahun 1969. Langkah ini bertujuan mendidik masyarakat Islam Melaka agar lebih sedar akan kewajipan zakat sebagai salah satu rukun Islam (“Fitrah: Melaka Pungut,” 1970).

MAIM juga tidak mempamerkan sikap berat sebelah apabila turut menghukum pegawai masjid yang tidak menunaikan zakat fitrah. Ia dapat dilihat dalam satu kes pada tahun 1963 di mana seorang imam Masjid Kampung Sebatu, Merlimau telah didapati bersalah oleh Mahkamah Syariah Jasin kerana gagal menunaikan zakat fitrah bagi tahun 1961 dan 1962 (P.U.N. (M), 97/60). Walaupun terdapat desakan daripada penduduk kampung supaya MAIM melucutkan jawatan imam yang disandang, tetapi MAIM bertindak mengekalkan jawatan individu tersebut. MAIM menegaskan bahawa individu tersebut telah dihukum berdasarkan undang-undang Syariah dan hukuman tersebut adalah mencukupi sebagai bentuk pertanggungjawaban terhadap kesalahan yang dilakukan (P.U.N. (M), 97/60).

Pada tahun 1970, MAIM telah mengambil langkah proaktif dengan melantik seramai 500 orang amil baharu bagi mempercepat dan mempertingkatkan keberkesanan kutipan zakat fitrah (“Ingatan Jangan Lokek Berzakat,” 20 Oktober 1970). Pelantikan ini telah meningkatkan jumlah keseluruhan amil kepada 644 orang pada tahun 1970, berbanding 639 orang pada tahun 1969 (*Penyata Majlis Agama Islam Melaka* 1969, 1970).

Penambahan dan pelantikan amil baharu oleh MAIM telah memberi kesan kepada peningkatan kadar pematuhan zakat dalam kalangan umat Islam di negeri Melaka. Kutipan zakat fitrah pada tahun 1970 berjumlah RM 189, 505.00 di mana ia lebih tinggi berbanding tahun 1967 yang berjumlah RM 143, 999.00 (“Penyata Majlis Agama Islam Melaka,” 1972). Kadar pematuhan zakat fitrah turut menunjukkan peningkatan ketara dengan peratus individu yang menunaikan kewajipan ini adalah yang paling tinggi dari tahun 1961 sehingga 1970 iaitu sebanyak 95.23 peratus. Daripada 183,248 individu yang berkemampuan, seramai 174,514 telah menunaikan zakat fitrah pada tahun tersebut. Manakala kadar keengganan individu untuk menunaikan zakat fitrah turut mencatatkan peratus terendah sejak tahun 1961 iaitu sebanyak 0.21 peratus melibatkan hanya 393 individu (“Mereka yang Tak Bayar Fitrah,” 1971).

Meningkatkan Syiar Islam Melalui Aktiviti Dakwah

Syiar Islam merujuk kepada tanda, simbol, atau aktiviti yang memperlihatkan kemuliaan agama Islam. Syiar Islam diperlihatkan melalui usaha menyemarakkan agama Islam untuk menzahirkan ketaatan umat Islam terhadap ajaran agama. Ia merangkumi usaha memperluas kefahaman masyarakat tentang ajaran Islam melalui dakwah (*‘amr ma ‘rūf*) atau mendidik kepatuhan terhadap segala suruhan dan larangan yang telah ditetapkan dalam agama (*nahi mungkar*) melalui penguatkuasaan undang-undang Islam (Hasan, 2022).

Dalam konteks ini, MAIM merupakan institusi yang bertanggungjawab meningkatkan syiar Islam melalui aktiviti dakwah. Dakwah merujuk kepada tindakan mengajak manusia sama ada beragama Islam atau bukan beragama Islam ke jalan Allah (Mohd Zin, 1997). Sejak penubuhan MAIM, institusi ini telah melaksanakan aktiviti-aktiviti dakwah dengan tujuan membentuk masyarakat negeri Melaka yang mengikuti dan menghayati ajaran-ajaran agama Islam (M.U.I.M. 22/59).

Salah satu kaedah dakwah yang efektif untuk meningkatkan syiar Islam adalah melalui penerbitan risalah-risalah keagamaan secara bertulis (Kasa et al., 2025). Pada 27 Januari 1960, MAIM menerbitkan risalah yang mengandungi penerangan tentang peristiwa Isra' dan Mi'raj. Ia diterbitkan buat julung kalinya bagi memberikan pengetahuan umum tentang hikmah peristiwa tersebut ("Melaka buat Kali Pertama," 1960). Risalah ini telah disebarkan secara tahunan kepada masyarakat umum. Sebagai manifestasi sambutan Isra' dan Mi'raj, MAIM mewajibkan agar imam-imam masjid di seluruh negeri Melaka membacakan kandungan risalah kepada jemaah masing-masing pada malam ulang tahun peristiwa tersebut ("Risalah Isra' Disebarkan," 1962).

Sambutan positif daripada masyarakat tempatan terhadap risalah ini menyebabkan ahli-ahli MAIM mengusulkan cadangan menerbitkan risalah penerangan agama dalam mesyuarat pada 30 November 1961 (P.U.N. (M), 97/60). Walau bagaimanapun, cadangan ini hanya dapat dilaksanakan pada tahun 1970. Pada awal tahun tersebut, MAIM menerbitkan sebuah risalah berjudul al-Mustaqim secara bulanan dan diedarkan secara percuma. Ia diterbitkan dengan tujuan memberi pengetahuan agama kepada masyarakat awam dalam bentuk ringkas yang dipadatkan dalam beberapa halaman sahaja ("Penyata Majlis Agama Islam Melaka," 1972). Pada pandangan pengkaji, kelewatan MAIM dalam menerbitkan risalah keagamaan secara berkala adalah disebabkan oleh tumpuan institusi tersebut terhadap aspek-aspek pentadbiran Islam yang lebih mendesak pada dekad 1960-an. Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada kelewatan ini ialah tahap kematangan institusi MAIM yang masih perlahan. Hal ini dapat dilihat dengan ketiadaan jawatankuasa khas dalam pejabat-pejabat cawangan PAIM yang ditugaskan bagi menerbitkan risalah-risalah keagamaan. Pada masa itu, segala tanggungjawab berkaitan dakwah disandarkan sepenuhnya kepada pejabat kadi daerah. Ia menyebabkan pejabat kadi daerah menanggung beban tugas yang besar terutamanya dalam mengemudi soal penguatkuasaan undang-undang Syariah di negeri Melaka (*Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melaka*, 1963).

Justeru, keterlewatan penerbitan risalah al-Mustaqim adalah kesan langsung daripada struktur organisasi MAIM yang masih baru. Namun, ia tidak menggambarkan kelemahan MAIM dalam menerbitkan risalah-risalah dakwah kerana sebagaimana disentuh sebelumnya bahawa penerbitan risalah Isra' dan Mi'raj telah berjaya untuk diterbitkan pada tahun 1960. Penerbitan risalah Isra' dan Mi'raj berjaya dilaksanakan kerana ia merupakan risalah tahunan yang tidak memerlukan komitmen tinggi berbanding penerbitan secara bulanan. Oleh sebab itu, setelah risalah al-Mustaqim mula diterbitkan secara bulanan pada awal dekad 1970-an, MAIM telah menubuhkan jawatankuasa penerbitan bagi memastikan kelangsungan dan komitmen dalam pengurusan penerbitan risalah-risalah keagamaan bagi umat Islam di negeri Melaka (M.A.I.M/PP/450/1).

Selain risalah keagamaan untuk memenuhi keperluan dakwah, MAIM juga menyediakan panduan kepada para bilal dan imam masjid untuk memastikan penyampaian khutbah dilakukan secara tersusun ("Khutbah Jumaat," 1960). MAIM kemudiannya menerbitkan teks khutbah kedua dalam bahasa Arab yang turut memasukkan doa kepada Yang Dipertuan Agong. Teks khutbah ini diwajibkan untuk dibaca oleh semua khatib di setiap masjid di negeri Melaka. Kewajipan membaca teks khutbah kedua yang ditetapkan MAIM adalah manifestasi taat setia kepada Yang Dipertuan Agong selaku ketua agama Islam di negeri Melaka sekaligus merupakan simbolik kepada jaminan kedaulatan agama Islam sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, teks khutbah yang diterbitkan tidak meliputi kandungan-kandungan berupa nasihat semasa khutbah pertama solat Jumaat. Justeru, Ketua Menteri Melaka kedua iaitu Abdul Ghafar Baba telah meminta MAIM agar melakukan perubahan dalam teks-teks khutbah pertama. Perubahan tersebut merujuk kepada teks khutbah berbentuk nasihat yang perlu dikaitkan dengan peredaran masa dan suasana yang berlaku dalam kehidupan. Perubahan ini penting bagi memastikan khutbah yang disampaikan adalah relevan dan berfungsi sebagai medium dakwah bagi masyarakat setempat (“Sesuaikan Khutbah,” 1962).

Langkah lain yang digunakan MAIM untuk meningkatkan syiar Islam adalah dengan memberi penerangan agama secara lisan. Langkah ini mula dilaksanakan apabila MAIM menubuhkan badan penerangan agama pada Mei 1965 (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1965*, 1966). Badan tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai MAIM yang berpengalaman dalam bidang pendidikan agama dan mereka diberi tanggungjawab untuk menyampaikan ceramah di masjid-masjid seluruh negeri Melaka. Kandungan ceramah tersebut merangkumi kaedah kutipan zakat dan fitrah serta peraturan perkahwinan dan perceraian (*Penyata Majlis Agama Islam Melaka 1968*, 1969). Penerangan tersebut bertujuan untuk memastikan masyarakat tidak keliru dengan struktur pentadbiran Islam yang telah diperkenalkan sejak penubuhan MAIM pada tahun 1960. Melalui badan penerangan agama juga, MAIM mewujudkan kelas agama bagi golongan dewasa. Kelas ini mula diwujudkan pada tahun 1964 bagi mengajar 314 kelas meliputi 6, 995 orang penuntut termasuklah 68 orang asli yang bukan beragama Islam (*Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1964*, 1965)

Pada dasarnya, kelas agama bagi golongan dewasa diwujudkan hasil cadangan Abdul Ghafar Baba ketika memegang jawatan Ketua Menteri Melaka. Beliau berpandangan bahawa kelas agama tidak seharusnya diberikan kepada golongan kanak-kanak sahaja. Ini kerana, golongan dewasa turut menghadapi masalah kekurangan ilmu agama. Bagi beliau, masalah agama dalam konteks ibadah lebih sering berlaku kepada golongan dewasa sehingga segelintir golongan ini memberi alasan yang tidak masuk akal untuk menjustifikasikan sesuatu tindakan. Dalam isu gantian solat (*qadha*) misalnya, Abdul Ghafar menegaskan bahawa wujud fenomena di mana golongan dewasa tidak mahu menunaikan solat (termasuk solat Jumaat) kerana ia boleh diganti (*qadha*) apabila sudah tua. Kepercayaan yang terpesong ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat dan melemahkan pegangan agama umat Islam di negeri Melaka (“Mengapa Kadha,” 1961).

Sehubungan dengan itu, Abdul Ghafar Baba meminta MAIM agar mewujudkan kelas agama dewasa dengan tujuan sebagaimana dijelaskan oleh beliau iaitu (“Mengapa Kadha,” 1961):

“Kelas-kelas agama untuk orang dewasa ini diharapkan akan dapat menggantikan secara beransur-ansur kelas-kelas agama di surau atau di madrasah yang coraknya mengikut cara lama.”

Dengan penubuhan kelas agama untuk golongan dewasa ini, Abdul Ghafar Baba berharap agar masyarakat memperoleh pemahaman yang tepat tentang ajaran agama Islam dan dapat mengatasi kekeliruan yang wujud.

Dalam masa yang sama, ceramah-ceramah agama secara tradisional dikekalkan oleh MAIM sebagai salah satu pendekatan dakwah yang berterusan. Sekiranya terdapat masjid yang memerlukan tenaga pengajar, MAIM bertanggungjawab untuk menghantar guru agama secara percuma. Ia berikutan peruntukan kewangan yang diberikan oleh kerajaan negeri Melaka bagi

memastikan tiada ahli masyarakat yang terpinggir daripada akses kepada pendidikan agama (“Pensyarah-Pensyarah Agama,” 1968).

Bagi menyemarakkan dakwah kepada golongan dewasa, MAIM memperkenalkan siri rombongan kereta badan penerangan agama. Rombongan ini ditugaskan untuk membuat lawatan ke kawasan-kawasan bandar dan luar bandar bagi memberi penerangan tentang kemusykilan agama yang dihadapi oleh masyarakat setempat (“Penyata Majlis Agama Islam Melaka,” 1972). Malahan, MAIM mewujudkan siri ceramah agama Islam secara bulanan kepada golongan bukan Islam. Ia bertujuan untuk menggalakkan keharmonian antara masyarakat meskipun berbeza agama dengan memupuk perasaan saling hormat-menghormati (“Ceramah Agama Islam,” 1964).

Seterusnya, MAIM meningkatkan syiar Islam dengan menganjurkan sambutan hari-hari kebesaran Islam. Penganjuran sambutan ini bukan sahaja memperingati peristiwa penting dalam sejarah Islam, tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk menyatukan umat Islam dalam suasana yang penuh nilai keagamaan. Antara sambutan tahunan yang diadakan ialah Sambutan Maulidurrasul peringkat negeri Melaka sejak tahun 1961. Sambutan ini dihiasi dengan perarakan pelbagai organisasi Islam di padang Stadium Kubu melalui beberapa jalan di bandar Melaka. Sambutan ini turut diselangi dengan syarahan, nasyid dan bacaan al-Quran (“Sambutan Maulud,” 1961).

Bagi menghormati bulan Ramadan, MAIM secara tahunan menganjurkan Pertandingan Membaca al-Quran peringkat negeri Melaka. Pertandingan ini diadakan selepas sambutan memberangsangkan daripada umat Islam seluruh negara terhadap Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan yang pertama anjuran rasmi Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 8 Mac 1960. Bertitik tolak daripada peristiwa ini, MAIM mengambil inisiatif serupa pada tahun yang sama. Pada peringkat awal, pertandingan ini hanya melibatkan golongan dewasa. Namun, sambutan positif yang diterima daripada masyarakat telah mendorong pihak sekolah untuk turut menganjurkan pertandingan membaca al-Quran bagi kategori pelajar sekali gus memperluas penglibatan generasi muda dalam aktiviti berteraskan al-Quran (*Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melaka*, 1963).

Oleh itu, ketiga-tiga kaedah MAIM dalam berdakwah iaitu melalui risalah, penerangan agama secara lisan dan sambutan hari kebesaran Islam berperanan meningkatkan syiar Islam di negeri Melaka. Kaedah ini menjadikan mesej Islam sentiasa berlegar dalam ruang awam sekaligus mewujudkan kesedaran berbentuk keagamaan yang mendorong masyarakat untuk memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan seharian.

Menguatkuasakan Undang-Undang Islam

Jika kaedah dakwah berperanan meningkatkan syiar Islam secara *‘amr ma ‘rūf*, maka penguatkuasaan undang-undang Islam pula berfungsi secara *nahi mungkar*. Ia dilaksanakan melalui pencegahan terhadap kemungkaran dengan menguatkuasakan undang-undang Islam. Dalam konteks negeri Melaka, penguatkuasaan undang-undang Islam merangkumi aspek jenayah Syariah. Tujuan penguatkuasaan undang-undang Islam adalah menjamin kemaslahatan dengan mendidik masyarakat melalui hukuman demi memelihara kesucian Islam dalam ruang sosial (Zakaria & Nasohah, 2019).

Antaranya ialah menguatkuasakan undang-undang kepada individu Muslim yang tidak berpuasa di bulan Ramadan. Walau bagaimanapun, MAIM melalui PAIM yang berfungsi

sebagai jentera penguatkuasa tidak mempunyai autoriti undang-undang untuk menangkap golongan yang tidak berpuasa sehingga penghujung tahun 1960 (“Pejabat Agama,” 1960). Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana fenomena ini dapat menjejaskan syiar Islam di negeri Melaka memandangkan gejala tidak berpuasa semakin meningkat di kawasan bandar Melaka. Keadaan ini menyebabkan ramai individu yang berani untuk makan dan minum di kawasan umum. Hakikat ini ditegaskan oleh seorang kadi Melaka iaitu Haji Mokti Haji Abdul Hamid. Berita Harian menukilkan kekesalan beliau seperti berikut:

“Tuan Haji Mokti kemudiannya menyelar umat Islam di negeri ini yang menurut beliau telah makan minum dan tidak menghormati langsung bulan Ramadan yang baharu lalu. Beliau menyesali sikap penduduk-penduduk itu yang telah menggunakan kesempatan kerana kelambatan pejabat agama Islam mendapat kuatkuasa untuk menangkap orang-orang yang tidak berpuasa itu”

(“Majlis Syariah di Melaka,” 1960).

Petikan di atas menggambarkan keadaan segelintir umat Islam di negeri Melaka yang mengambil kesempatan melanggar kewajipan berpuasa disebabkan oleh kelewatan penguatkuasaan undang-undang Islam. Kelewatan ini juga menyebabkan rayuan PAIM kepada umat Islam di negeri Melaka untuk meninggalkan amalan tersebut tidak diendahkan. Justeru, PAIM hanya berupaya memberi amaran bahawa tindakan berbentuk tangkapan dan denda akan diambil terhadap golongan yang tidak berpuasa sebaik sahaja MAIM mendapat peruntukan kuasa undang-undang secara rasmi (“Pejabat Agama Melaka,” 1960).

Selepas mendapat peruntukan kuasa, PAIM telah memberi amaran menjelang bulan ramadan setiap tahun supaya amalan tidak berpuasa dan aktiviti jual beli kepada golongan yang enggan berpuasa di waktu siang dihentikan serta-merta. Individu yang didapati melakukan kesalahan tersebut akan di dakwa di bawah Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1959 (“Amaran Ulama,” 1962).

Bermula pada tahun 1962, PAIM telah melantik beberapa inspektor agama dari pejabat kadi daerah masing-masing yang bertugas bagi melakukan tangkapan terhadap individu dan premis yang menjual makanan kepada golongan yang tidak berpuasa. Inspektor ini juga berperanan mengeluarkan saman terhadap individu Muslim yang didapati tidak berpuasa dan makan di kawasan awam (“Nazir-Nazir Agama,” 1962).

Sebagai contoh, lima premis telah didapati bersalah oleh inspektor agama atas kesalahan menjual makanan kepada golongan tidak berpuasa pada Februari 1962. Premis-premis ini kemudian telah didakwa dan menerima hukuman berbentuk denda berjumlah RM 35.00 daripada Mahkamah Syariah Jasin (“Puasa: Lima Didenda,” 1962). Selain contoh tersebut, PAIM juga pernah melakukan tangkapan terhadap 9 individu beragama Islam pada 13 sehingga 15 Januari 1966. Tangkapan dilakukan ketika individu-individu tersebut sedang makan pada waktu siang dalam bulan Ramadan di kawasan sekitar Bandar Melaka. Individu yang ditangkap kemudian diikat jamin sebanyak RM 25.00 sebelum dibicarakan di Mahkamah Syariah Melaka Tengah (“Sembilan Orang Ditangkap,” 1966).

Tindakan penguatkuasaan ini kemudiannya ditambah baik dengan mewujudkan kerjasama di antara PAIM dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kewujudan pihak polis dalam kerjasama ini bertujuan untuk memudahkan tangkapan dilakukan serta-merta ditempat kejadian. Oleh sebab itu, kerjasama ini mendorong pihak PAIM melancarkan gerakan

tangkapan aktiviti tidak berpuasa secara besar-besaran sejak Disember 1966 sehingga Januari 1967 bersamaan bulan Ramadan tahun 1386 Hijrah (“Tindakan Terhadap yang Tak Berpuasa,” 1966).

Pada pandangan pengkaji, tangkapan terhadap golongan yang tidak berpuasa oleh pihak PAIM bertujuan untuk menerapkan sikap menghormati syiar Islam. Perbuatan tidak berpuasa di khalayak umum mencemarkan kesucian bulan Ramadan kerana memperlihatkan pelanggaran terhadap perintah Allah yang seolah-olah sengaja mencabar hukum yang ditetapkan agama (“Puasa: Undang-Undang,” 1969). Dalam konteks ini, penguatkuasaan yang dijalankan melalui pejabat kadi daerah di bawah PAIM bertujuan untuk memelihara syiar Islam dengan mencegah perbuatan yang mencemarkan imej umat Islam di negeri Melaka (*Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melaka*, 1963).

Seterusnya, MAIM menguatkuasakan undang-undang terhadap aktiviti pelacuran. Pelacuran merujuk kepada kegiatan menjual perkhidmatan seks secara sukarela untuk mendapat keuntungan dari segi ekonomi (Bakar, 2007). Pada dasarnya, penglibatan wanita Melayu dalam kegiatan pelacuran di negeri Melaka tidak dapat ditemukan sejak awal abad ke-20. Melaka memang mempunyai 33 rumah pelacuran pada tahun 1915, tetapi pelacur-pelacurnya hannya terdiri daripada wanita Cina dan Jepun (Nayan, 2009). Namun, keadaan ini telah berubah selepas merdeka di mana wanita-wanita Melayu mulai terlibat dengan aktiviti pelacuran di negeri Melaka (“Satu Cara,” 1958).

Keadaan ini berkait rapat dengan perpindahan pelacur-pelacur dari Pantai Timur dan Singapura ke bandar Melaka. Perpindahan ini adalah berdasarkan faktor ekonomi di mana wanita-wanita Melayu berhijrah dari kampung halaman ke kawasan bandar seperti Melaka untuk mencari pekerjaan pada peringkat awal sebagaimana ditegaskan Hassan (2005):

“The statements by these prostitutes suggest that they moved from the villages to big towns like Malacca and Seremban not with the intention of engaging in prostitution but for the purpose of finding jobs. However, owing to the fact that they were not well educated, their chances of getting suitable jobs were slim. Moreover, the families of these women were often poor...To these women, the only job available to them that did not need any special skill or education was prostitution.”

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa berlaku penghijrahan wanita-wanita Melayu atas faktor ekonomi tetapi ia terbantut atas sebab pendidikan rendah yang membataskan peluang mereka mendapat pekerjaan dengan pulangan ekonomi yang tinggi. Dalam konteks ini, walaupun sebahagian wanita Melayu yang ditahan atas kesalahan pelacuran di Melaka berasal dari Kelantan, Terengganu dan Singapura, terdapat juga wanita tempatan yang terlibat. Oleh itu, penghijrahan ini merupakan satu faktor yang mendorong kepada tercetusnya masalah pelacuran di negeri Melaka (“Pelacur-Pelacur,” 1965).

Aktiviti pelacuran yang berleluasa telah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan umat Islam di negeri Melaka sejak era awal merdeka (“Satu Cara, 1958). Kegelisahan ini turut disuarakan oleh *United Malays National Organisation* (UMNO) cawangan negeri Melaka dalam dekad 1960-an sebagaimana dilaporkan Berita Harian seperti berikut (“Pelacuran Berjadi-Jadi,” 1962):

“Mereka mengemukakan kegelisahan penduduk-penduduk terhadap banyaknya pelacur-pelacur yang berkeliaran pada malam hari di hadapan panggung wayang di Melaka.”

Sebagai parti yang mentadbir kerajaan negeri Melaka, Pemuda UMNO Melaka telah menyeru PAIM untuk segera bertindak berdasarkan undang-undang bagi membanteras kegiatan pelacuran yang semakin meningkat sejak tahun 1961 (“Pelacuran: Pejabat Agama,” 1961). Memandangkan tindakan belum diambil oleh PAIM pada tahun tersebut, UMNO Melaka mendesak kerajaan negeri untuk mengambil inisiatif terhadap masalah tersebut (“Pelacuran: Belum Ada Tindakan,” 1962).

Sebagai respons, PAIM mulai mengambil tindakan serbuan dan tangkapan buat julung kalinya di negeri Melaka pada 14 Julai 1962. PAIM telah bekerjasama dengan pihak polis dan berjaya memberkas 11 wanita dan seorang lelaki beragama Islam. Walau bagaimanapun, 10 orang lelaki yang mendapatkan khidmat pelacuran tersebut terpaksa dilepaskan kerana mereka tidak dapat didakwa kerana merupakan orang bukan Islam (“Pejabat Agama Berkas,” 1962).

Hasil hubungan baik di antara PAIM dengan pihak polis sejak tahun 1962 membolehkan tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti pelacuran dapat dilaksanakan secara berkesinambungan dalam skala besar. Sebagai contoh, PAIM dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Melaka menjalankan “Gerakan Basuh” pada 25 April 1970. Gerakan besar-besaran ini menumpukan kawasan pelacuran di Bandar Melaka dan berjaya menangkap sebanyak 18 belia yang terlibat dengan aktiviti tersebut (“18 Ditahan,” 1970).

Pada pandangan pengkaji, tindakan membanteras aktiviti pelacuran mencerminkan keseriusan MAIM dalam menguatkuasakan undang-undang Islam. Apabila pelacuran berlaku secara terbuka dalam sebuah masyarakat Islam, ia menjejaskan imej agama Islam dan masyarakat khususnya di negeri Melaka. Oleh sebab itu, MAIM melalui PAIM telah mengambil tindakan walaupun agak lewat iaitu kira-kira setahun selepas desakan oleh Pemuda UMNO Melaka. Tetapi, ia sebenarnya dikategorikan sebagai satu tindak balas yang pantas kerana PAIM sebenarnya masih dalam proses merangka struktur institusinya pada tahun 1961 memandangkan ia baru ditubuhkan. Walaupun demikian, PAIM telah melaksanakan fungsinya dengan baik dalam menangani isu pelacuran bermula dengan lebih agresif pada tahun 1962 setelah institusi tersebut stabil dan bersedia untuk mengambil tindakan tegas.

Kesimpulan

Sumbangan MAIM terhadap perkembangan Islam dari tahun 1960 hingga 1970 memperlihatkan satu perkembangan yang signifikan dalam sistem pentadbiran Islam di negeri Melaka. Penubuhan MAIM sebagai sebuah institusi rasmi telah mendorong kepada usaha menginstitusikan pengurusan zakat diikuti dengan meningkatkan syiar Islam melalui dakwah dan penguatkuasaan undang-undang Islam. Sebelum penubuhan MAIM, ketiga-tiga perkara ini tidak dapat dilaksanakan kerana dibatasi oleh kuasa pemerintahan kolonial. Justeru, sumbangan MAIM dalam ketiga-tiga aspek tersebut bertujuan untuk membentuk kefahaman dalam kalangan masyarakat terhadap kewajipan melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Penghargaan

1. Ucapan penghargaan ditujukan kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya atas pemberian Geran Khas Penyelidikan API (UMG002L-2024: *Konsep Islah di Era Kebangkitan Islam dalam Majalah al-Mustaqim, 1972–1982*).
2. Pengkaji utama juga merakamkan setulus penghargaan kepada Dr. Norhayati Hj. Hamzah bersempena dengan persaraan beliau yang dijadualkan pada penghujung tahun 2025 atas jasa mendidik dan membimbing pengkaji sepanjang tempoh penyelidikan PhD yang dijalankan sejak Oktober 2022.

Rujukan

- Abdullah, A.R. (1988). Kedudukan Agama Islam di Melaka Sebelum 1957. *Jurnal Sejarah Melaka* 11 (1), 29-38.
- Abdullah, L., Ismail, P. H., Rosele, M. I., Jaafar, S. M. J. S., Yassin, U. F., Ramli, M. A., & Hassan, W. Z. W. (2013, 21- 22 Mei). *Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010*. Makalah Semina Isu-isu Kontemporari Dalam Mazhab Shafi'i, Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei.
- Abd Majid, M.Z. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amaran Ulama Kepada yang Tak Berpuasa. (1962, 10 Februari). *Berita Harian*.
- Amil Diberi Penerangan. (1961, 24 Februari). *Berita Harian*.
- Bakar, N.A.A. (2007). Pelacuran di Negeri Selat. *Sejarah: Journal of the Department of History* 15, 1-19.
- Ceramah Agama Islam. (1964, 24 Julai). *Berita Harian*.
- Chander, R. (1977). *Jadual-Jadual Asas Penduduk Bahagian III: Melaka*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Fitrah: Mereka yang Belum Menejelaskan Diberi Tempoh. (1962, 31 Mac). *Berita Harian*.
- Fitrah: Melaka Pungut 166, 481. (1970, 15 Januari). *Berita Harian*.
- Guru Qur'an Tidak Mahu Mengajar. (1961, 6 Mac). *Berita Harian*.
- Harun, M. S., Rosele, M. I., & Mansor, M. S. (2019). Pentadbiran Zakat Fitrah Oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Malaysia: Satu Tinjauan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 13, 21-31. <https://doi.org/10.51200/ljms.v13i.2530>.
- Hasan, M.H. (2022) Peran Suara Azan Sebagai Syiar dalam Islam. *Siyasah: Jurnal Hukum Tata Negara* 5(1), 11-21.
- Hassan, H. (2005). Malay Women and Prostitution in Kota Bharu, Kelantan, 1950s-1970s. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 78 (I: 288), 97-120.
- Hassim, M. H., Mustapa, A. M., & Baharuddin, A. H. (2019). Sejarah Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia: Sorotan Terhadap Sistem Kehakiman Islam Di Negeri Melaka. *Journal of Muwafaqat*, 2(2), 59-72.
- Ingatan Jangan Lokek Berzkat. (1970, 20 Oktober). *Berita Harian*.
- Kasa, A. R., Hamzah, N. H., & Nor, M. R. M. (2024). The Development of Malay Religious Magazine Publications in Malaysia Post-Independence, 1960-1970. *Journal of Al-Tamaddun*, 19(2), 251-266. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol19no2.17>.
- Kasa, A. R., Hamzah, N. H., & Nor, M. R. M. (2025). The Development of Malay Religious Magazine in Pre-Independence Malaysia: A Literature Review. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 22(2), 142-152. <http://dx.doi.org/10.17576/ebangi.2025.2202.12>.
- Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melaka*. (1963). Melaka: Jabatan Penerangan Negeri Melaka.
- Khutbah Jumaat Negeri Melaka. (1960, 22 November). *Berita Harian*

- Kira-Kira 100 Amil Baharu Diberi Kursus Untuk Jalankan Tugas. (1961, 4 Mac). *Berita Harian*.
- Majlis Agama Melaka akan Laksanakan Undang-Undang Agama. (1964, 22 April). *Berita Harian*.
- Majlis Syariah di Melaka: Orang-Orang yang tidak Menunaikan Puasa Diselar Hebat kerana Kelalaian. (1960, 2 April). *Berita Harian*.
- Malaysia Official Year Book 1961*. (1962). Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Persekutuan, Kementerian Penerangan Malaysia.
- Maroth. (1961, 30 Mac). Zakat Fitrah: Majlis Agama Melaka Terburu-Buru Menjalankan Gerakan Memungut. *Berita Harian*.
- M.A.I.M/PP/450/1. *Jawatankuasa Majlis Agama Islam Melaka*.
- Melaka buat Pertama Kali keluaran Siaran Mi'raj. (1960, 27 Januari). *Berita Harian*.
- Melaka dah Siap Amil-Amil Fitrah: Kutipan Yang Pertama. (1961, 13 Februari). *Berita Harian*.
- Mengapa Kadha Saja? Ketua Menteri Melaka Bertanya. (1961, 6 September). *Berita Harian*.
- Meerangani, K.A. (2019). Peranan Ulama Dalam Penyebaran Ajaran Islam Di Pulau Besar, Melaka. *Jurnal al-Tamaddun*, 14(2), 65-74. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no2.6>.
- Mereka yang Tak Bayar Fitrah akan Disiasat. (1971, 18 Januari). *Berita Harian*.
- Mohd Zin, A.A. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mukmin, M.J. (1999). *Islam di Melaka*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.
- M.U.I.M 22/59. *Penubohan Majlis Ugama Islam Malacca*.
- M.U.I.M. 3/59. *Haji Mohd Amin Amran (Yang Dipertua Majlis Agama Islam Melaka)*.
- Nayan, S.R. (2009). *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazir-Nazir Agama Serbu Kedai-Kedai Makan. (1962, 13 Februari). *Berita Harian*.
- Nordin, M. N., & Ibrahim, A. F. (2019). Amalan Dakwah Zakat di Melaka: Satu Tinjauan. *Jurnal 'Ulwan*, 3(1), 123-131.
- Pejabat Agama Melaka Tidak Berkuasa Menangkap Orang-Orang yang Tidak Berpuasa. (1960, 14 Mac). *Berita Harian*.
- Pejabat Agama Berkas 11 Wanita Waktu Malam. (1962, 14 Julai). *Berita Harian*.
- Pelacuran Berjadi-jadi di Melaka: UMNO Membantah. (1962, 29 Mac). *Berita Harian*.
- Pelacuran: Belum Ada Tindakan. (1962, Julai 1). *Berita Harian*.
- Pelacuran: Pejabat Agama Melaka diseru Bertindak. (1961, Julai 23). *Berita Harian*.
- Pelacur-Pelacur dari Kelantan dan Terengganu Bertumpu ke Kota Melaka. (1965, 31 Disember). *Berita Harian*.
- Pensyarah-Pensyarah Agama Islam Diadakan. (1968, 9 Februari). *Berita Harian*.
- Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1961*. (1962). Melaka: Pejabat Agama Islam Melaka.
- Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1962*. (1963). Melaka: Pejabat Agama Islam Melaka.
- Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1964*. (1965). Melaka: Pejabat Agama Islam Melaka.
- Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1965*. (1966). Melaka: Pejabat Agama Islam Melaka.
- Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1966*. (1967). Melaka: Pejabat Agama Islam Melaka.
- Penyata Pejabat Agama Islam Melaka 1967*. (1968). Melaka: Pejabat Agama Islam Melaka.
- Penyata Majlis Agama Islam Melaka 1968*. (1969). Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- Penyata Majlis Agama Islam Melaka 1969*. (1970). Melaka: Majlis Agama Islam Melaka.
- Penyata Majlis Agama Islam Melaka. (1972). *Majalah al-Mustaqim*, Bilangan 1.
- Puasa: Lima Didenda RM35. (1962, 20 Februari). *Berita Harian*.
- Puasa: Undang-Undang untuk Menjaga Maruah Agama. (1969, 19 November). *Berita Harian*.
- Pungutan Fitrah di Melaka Semakin Lancar. (1966, 4 Januari). *Berita Harian*.
- P.U.N. (M) 97/60, *Chatitan Agenda Mesyuarat MAIM*.

- Risalah Isra' Disebarkan. (1962, 7 Januari). *Berita Harian*
- Sambutan Maulud Nabi di Melaka. (1961, 19 Ogos). *Berita Harian*.
- Sani, A. I. A., Abd Samad, K., Saidin, A., Adanan, S. A., Bustamama, K. S., & Mamat, S. N. (2021). Enhancing the Role of Zakat Institutions Through Good Corporate Governance for Economic Sustainability: A Case from Majlis Agama Islam Melaka & Pusat Zakat Melaka. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 10(3), 254-266. <http://dx.doi.org/10.6007/IJAREMS/v10-i3/10984>.
- Satu Cara Membasmi Pelacuran. (1958, Januari 1). *Berita Harian*.
- Sembilan Orang Ditangkap kerana Tidak Berpuasa. (1966, 25 Januari). *Berita Harian*.
- Seruan Ketua Agama: Wajib Berfitrah. (1963, 23 Januari). *Berita Harian*.
- Sesuaikan Khutbah dengan Zaman. (1962, 26 Oktober). *Berita Harian*.
- Straits Settlement Government Gazette 1940* (1935). Singapura: Government Printing Office.
- Suffian Hashim, M. (1962). The Relationship between Islam and the State in Malaya. *Intisari*, 1(1), 7-21.
- Tahniah PAS kepada Majlis Agama. (1961, 6 Mac). *Berita Harian*.
- Tindakan Terhadap Fitrah: Amaran Jangan Ingkar. (1966, 7 Januari). *Berita Harian*.
- Tindakan Terhadap yang Tak Berpuasa dan Pekedai-Pekedai Islam. (1966, 17 Disember). *Berita Harian*.
- Zakaria, Z. I. & Nasohah, Z. (2019). Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(2), 13-26. <https://doi.org/10.33102/mjssl.v7i2.188>.
- Zakat dan Fitrah: Ulama-Ulama Gelisah. (1961, 28 Januari). *Berita Harian*.
- Zakat: Umat Islam diseru Patuh. (1961, 16 Februari). *Berita Harian*.
- Zakat Tidak Menjadi Hasil Pejabat. (1961, 16 Mac). *Berita Harian*.
- Zakat: Perintah Ketua Menteri. (1964, 10 Februari). *Berita Harian*.
- 18 Ditahan dalam Gerakan Basuh di Melaka. (1970, 25 April). *Berita Harian*. 2007/0004526, *Pemberita Perjawatan, Pembukaan Rasmi Majlis Agama Islam Melaka*